

Agenda Wilayah Prihatin

Bas percuma untuk 24,832 pelajar

SATU demi satu langkah proaktif dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk kemudahan dan manfaat golongan sasaran demi membantu mereka mendepani arus kehidupan yang mencabar di ibu kota, khususnya daripada aspek ekonomi dan sosial.

Sebelum ini KWP yang diterajui oleh Tan Sri Annuar Musa mewujudkan Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota (PPUAMK) untuk membantu golongan muda, graduan menganggur serta mereka yang terjejas pendapatan akibat Covid-19 untuk berniaga dengan pembinaan 1,122 kios niaga di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ia bakal bermula secara berperingkat mulai Ogos.

Terbaharu, satu lagi program dilaksanakan dengan sasaran kali ini ialah pelajar sekolah melalui Program MySchoolBus@Wilayah.

Melalui program ini para pelajar akan menikmati kemudahan pengangkutan ke sekolah secara percuma.

Sasaran program bernilai RM23 juta setahun ini ialah kelompok pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, sederhana rendah dan miskin bandar.

Khidmat bas sekolah percuma pastinya dapat mengurangkan beban kos sara hidup kategori keluarga ini dalam suasana kota yang kos kehidupan memang tinggi.

Adi angkat topi dengan sikap prihatin KWP yang terus menerus berusaha mensejahterakan rakyat melalui program-program bersifat peduli rakyat, khususnya untuk golongan berpendapatan rendah untuk memastikan mereka tidak tercicir dalam kemelut kehidupan kota serba mencabar.

Walau pun program bas sekolah percuma ini sudah bermula sejak 2017, kawasan yang terlibat dalam program ini agak terhad. Ia hanya melibatkan 67 kawasan Projek Perumahan Rakyat-Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR-MTEN) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala

“Adi difahamkan lebih kurang 900 buah bas akan menyertai program ini dan akan memberi peluang pekerjaan kepada 405 pengendali bas sekolah.”

Lumpur (DBKL) dengan manfaat kepada lebih kurang 9,700 orang pelajar.

Namun atas keprihatinan KWP, kini program bas sekolah ini diperluaskan. Ia tidak lagi terhad hanya untuk kawasan perumahan PPR-MTEN dan Perumahan Awam DBKL seperti sebelumnya.

Sebaliknya kini ia turut meliputi 335 kawasan perumahan swasta kos rendah dan sederhana. Ertinya jumlah pelajar yang mendapat manfaat juga bertambah.

Adi difahamkan program yang diperluaskan ini kini meliputi pelajar 295 sekolah rendah dan menengah. Jumlah pelajar yang terlibat dengan program ini juga bertambah kepada 24,832 orang, satu lonjakan tinggi berbanding sebelum ini.

Pada Adi ini adalah gambaran KWP bukan sahaja berfikir jauh memperkenal dan mengimplementasi pelbagai program, tetapi dari semasa ke semasa sentiasa berusaha menambah baik program yang dilaksanakan agar rakyat memperoleh natijah terbaik daripada program berkenaan.

Manfaat Program



BAS sekolah yang disediakan melalui Program MySchoolBus@Wilayah.

MySchoolBus@Wilayah bukan sahaja dinikmati oleh pelajar dan keluarga mereka tetapi juga dinikmati oleh para pengusaha bas sekolah yang terlibat dengan program ini.

Adi difahamkan lebih kurang 900 buah bas akan menyertai program ini dan akan memberi peluang pekerjaan kepada 405 pengendali bas sekolah.

Ini tentunya menggembirakan mereka yang terjejas pendapatan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila sekolah ditutup.

Di sepanjang tempoh bas tidak bergerak ini mungkin banyak daripadanya yang rosak atau dalam keadaan kurang baik. Ini semua perlu diperbaiki sebelum bas-bas tersebut beroperasi semula.

Pastikan kesemua bas dalam keadaan baik demi menjamin keselamatan

pelajar.

Diharapkan dengan terpilih menyertai Program MySchoolBus@Wilayah ini mereka segera membuat kerja-kerja pembaikan perlu. Menyediakan bas yang selamat dan berkualiti memang menjadi tanggungjawab utama pengendali. Ia juga sebagai menyrlahkan penghargaan kepada KWP yang memilih mereka menyertai program berkenaan.

Namun golongan ini juga mestilah sentiasa berusaha memperbaiki diri dan kehidupan serta mensejahterakan keluarga sendiri. Rajin dan usaha tangga kejayaan.

KHUTBAH JUMAAT WAKTU PKP RINGKAS, PADAT

APABILA solat Jumaat dibenarkan mulai 15 Mei dalam tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang kini memasuki fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), satu aspek menarik ialah pembacaan khutbah pertama yang lebih ringkas.

Inilah kelainan yang Adi rasai selain peraturan yang menetapkan masjid-masjid dan surau Jumaat di Wilayah Persekutuan perlu mematuhi operasi prosedur standard (SOP) yang digariskan oleh pihak berkuasa.

Antaranya jumlah jemaah dihadkan, penjarakan sosial atau *social distancing* dipatuhi selain keperluan mamakai pelitup muka (mask) dan mengambil suhu badan serta membersihkan tangan dengan sanitiser.

Walaupun kerajaan sudah mengumumkan jumlah jemaah di masjid dan surau boleh ditambah mulai 15 Julai, SOP yang ditetapkan masih terus perlu dipatuhi dan dipraktikkan.

Di sebalik itu semua, Adi memang kagum dengan teks khutbah pertama yang dibaca oleh khatib pada solat Jumaat dalam tempoh PKP ini lebih ringkas dibandingkan dengan khutbah yang dibaca dalam keadaan biasa sebelum PKP.

Pembacaan khutbah pertama mengambil masa kurang separuh daripada khutbah pada waktu biasa yang ada kala mengambil masa 15 hingga 25 minit. Jangka masa ini belum termasuk pembacaan khutbah kedua. Dengan khutbah pertama yang ringkas, pembacaan khutbah secara keseluruhan juga menjadi lebih singkat dan solat Jumaat lebih cepat didirikan. Jemaah pula boleh lebih cepat meneruskan urusan masing-masing selepas itu.

Bagi Adi, walaupun khutbah lebih ringkas, isinya tetap padat dan lebih mudah menyerap dalam minda jemaah. Ini lebih bermanfaat daripada khutbah panjang tetapi menyebabkan jemaah tidak dapat menumpukan perhatian, malah mungkin mengantuk.

Dalam hubungan ini Adi mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada pihak berwajib, khususnya Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) kerana pendekatan positif dalam penyediaan khutbah di musim PKP ini.

Sebenarnya memang wajar khutbah ringkas kerana jemaah mungkin ada urusan penting untuk dibuat, selain jemaah yang sudah, berumur atau kelainan upaya (OKU) mungkin tidak mampu bertahan lama menunggu solat.

Oleh itu, Adi syorkan selepas penguatkuasaan PKP berakhir nanti, khutbah Jumaat di masjid dan surau Jumaat Wilayah Persekutuan biarlah terus ringkas tetapi padat.

-Adi Tuah

Adi Tuah

SKETSA

